

Hargai kehebatan ilmuwan

Oleh WAN AZHAR WAN AHMAD

HARI ini berlangsung majlis pelancaran rasmi Projek Akademik Mega 'Ahmad Ibrahim: Sebuah Biografi & Telaah Pemikiran' anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Majlis yang dirasmikan oleh Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid selaku penaung projek ternyata satu pengiktirafan kepada usaha untuk memartabatkan sumbangan Allahyarham Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim dalam bidang perundangan tanah air.

Sumbangan Ahmad Ibrahim begitu besar terhadap perkembangan sistem undang-undang dan kehakiman Malaysia, baik sivil mahupun Islam, mengundang perakuan dan pengiktirafan daripada banyak pihak.

Beliau amat bermakna kepada pelbagai institusi, seperti Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM), dan Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), mengundang tinggi dan pengiktirafan terhadap Ahmad Ibrahim dan pencapaiannya dapat dilihat baik semasa beliau masih hidup mahupun selepas pemergiannya.

Di samping itu, dan siri Memorial Lectures yang dipelopori oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 2000 dan diteruskan hingga kini oleh UIAM, menjadi saksi kepada pengiktirafan ini.

Penghargaan ini turut diabsahkan dengan dua penerbitan awal menghormati Ahmad Ibrahim iaitu karya M. B. Hooker (peny.), *Malaysian Legal Essays (MLJ, 1986)*; dan *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim (DBP, 1988)*.

Dua buku penghormatan mutakhir yang menguatkan lagi kedudukan istimewa beliau di persada perundangan, sekali gus memancarkan pemikiran beliau ialah Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia (IKIM, 1997) diikuti dengan *The Administration of Islamic Law in Malaysia* (IKIM, 2000), yang diterbitkan selepas beliau meninggal dunia.

Sanjungan dan penghormatan yang diberikan oleh orang ramai berterusan daripada peringkat yang tertinggi hinggalah yang terendah-sultan dan raja, ahli politik, para ahli akademik dan ilmuwan, tokoh-tokoh agama, birokrat, pimpinan korporat, golongan profesional, kakitangan kerajaan, pelajar, malahan masyarakat awam.

Semua ini memberi gambaran seolah-olah warisan tinggalan beliau tidak pernah berhenti menyinari orang lain. Sebagai kesinambungan pengiktirafan dan penghormatan terhadap pemilik khazanah ilmiah ini, serta pelbagai peranan, sumbangan pemikiran dan jasa Ahmad Ibrahim, IKIM telah mengambil satu lagi inisiatif dengan mengusahakan projek mega ini.

Ia melibatkan tiga komponen utama yang semuanya menuntut persediaan

PROJEK AKADEMIK MEGA

AHMAD IBRAHIM

Sebuah Biografi & Telaah Pemikiran

Sempena Sambutan 50 Tahun Kemerdekaan

(www.ikim.gov.my/ahmadibrahim)

UM-26/1/2007

Semua ini memberi gambaran seolah-olah warisan tinggalan beliau tidak pernah berhenti menyinari orang lain. Sebagai kesinambungan pengiktirafan dan penghormatan terhadap pemilik khazanah ilmiah ini, serta pelbagai peranan, sumbangan pemikiran dan jasa Ahmad Ibrahim, IKIM telah mengambil satu lagi inisiatif dengan mengusahakan projek mega ini

dan komitmen terbaik penganjur serta penyertaan meluas dan sokongan banyak pihak.

Kajian yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan bagi setiap komponen projek ini melampaui sempadan geografi, bangsa, agama dan politik.

Ia menuntut pihak panitia untuk berurusan dengan pelbagai lapisan masyarakat, termasuklah kunjungan ke beberapa negara asing seperti Singapura, Indonesia, Brunei, malah United Kingdom demi mendapatkan maklumat, bahan serta material berkaitan.

Ilmiah

Tidak syak lagi bahawa projek ini memerlukan sokongan banyak pihak. Oleh kerana ia bersifat ilmiah dan berunsurkan undang-undang, IKIM mahu supaya semua pihak yang pernah terlibat dengan Allahyarham sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sesiapa sahaja yang berminat, agar tampil menyumbang apa juga maklumat mengenai pelbagai aspek tokoh ulung ini-sahsiah, pemikiran.

Projek ini juga 'mega' kerana anggaran kos pengendalian keseluruhannya berjumlah ratusan ribu ringgit! Setakat ini, IKIM sendiri telah membelanjakan puluhan ribu ringgit untuk usaha-usaha persediaan dan promosi Projek. Ini membuktikan kesungguhan IKIM.

Sehingga kini beberapa syarikat korporat yang menyumbang dan meringankan komitmen kewangan penganjur terdiri daripada Tan Sri Abdul Rashid Hussain, Yayasan AlBukhary (penaja utama) serta Northport (Malaysia) Berhad dan Sime Darby Berhad sebagai penaja bersama.

Namun, peruntukan tersebut masih belum mencukupi dan IKIM masih me-

ngalu-alukan sumbangan mana-mana pihak yang berminat, sama ada individu atau badan-badan korporat.

Semua sumbangan kewangan akan diberikan pakej-pakej timbal balas yang menarik oleh IKIM.

Projek ini juga diadakan bersempena dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan negara. Ia bertujuan memberikan satu lagi dimensi kepada erti dan pengisian kemerdekaan.

Kita sedia maklum tentang *high achievers* yang mengharumkan nama tanah air ke seluruh dunia. Dan betapa negara amat berbangga dengan mereka dengan segala macam pengiktirafan.

Siapa tidak kenal anak-anak Malaysia pertama belayar solo mengelilingi dunia, menawan kemuncak Everest, meredah menakluk Kutub Utara/Selatan, berenang menyeberang Selat Inggeris, bakal meneroka angkasa lepas, dan lain-lain?

Masyarakat tentu maklum dengan anak-anak Sidek, Nicole Anne David dan lain-lain. Amat sukar untuk menemui warga Malaysia yang tidak tahu P. Ramlee, Siti Nurhaliza, Mawi.


Namun, kehairahan kita dengan nama-nama besar dalam dunia kesukanan, kesenian dan kebudayaan ini, tidak seharusnya mengalpaikan kita daripada 'mengagungkan' tokoh-tokoh ilmuwan.

Kecemerlangan mana-mana tamadun pun, tidak pernah semata-mata bersandarkan kepada pencapaian gemilang ahli-ahli sukan dan penggiat seni.

Peradaban-peradaban besar dunia telah membuktikan bahawa kehebatan sebenar mereka diukur berdasarkan kepada kehebatan para ahli ilmuwan.

Ia turut diukur berasaskan kepada pemikiran yang mereka lahirkan, yang mampu mengubah cara manusia sejagat menilai dan menanggapi sesuatu, mengubah pandangan hidup mereka.

Justeru, dalam mencari *towering Ma-*



AHMAD IBRAHIM

laysiaans, kita tidak harus menumpukan segala perhatian hanya kepada mereka yang 'terbilang' dalam bidang-bidang tertentu seperti kesukanan dan kesenian sahaja.

Sebaliknya, kita mesti lebih berbangga dengan pencapaian-pencapaian yang mencerminkan tahap ketinggian budaya ilmu masyarakat dan negara kita.

Adalah diharapkan bahawa Projek Ahmad Ibrahim ini dapat menyumbang ke arah menyemarakkan kesedaran ini.

Aturcara bersifat ilmiah ini juga akan memberi dan menambahkan satu lagi warna kepada acara sambutan 50 tahun kemerdekaan. Masyarakat akan tahu bahawa program-program yang diatur oleh pelbagai pihak bukan sahaja bersifat hiburan, kesenian, kebudayaan, rekreasi atau kesukanan, malah bersifat keilmuan juga.

Kita harus bersyukur kerana Allah s.w.t mengurniakan kepada masyarakat dan negara kita seorang tokoh ilmuwan seperti Allahyarham. Dan tidak mustahil masih ada tokoh-tokoh ilmuwan negara yang setaraf atau lebih baik daripada beliau.

Sebagai masyarakat yang berpendidikan, kita mesti tahu menghargai anugerah-anugerah sebegini dengan menilai sumbangan, peranan serta jasa yang mereka taburkan kepada pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara dan meletakkan mereka di tempat masing-masing yang wajar.

Projek ini jelas merupakan satu penghormatan untuk menghargai sumbangan besar Allahyarham dan meletakkannya di tempat yang sepatutnya.

Menerusi usaha murni ini, kita berharap masyarakat akan lebih menghargai ilmu pengetahuan dan para pendukungnya. Dalam masa sama, kita berharap segala gagasan idea yang diberikan Allahyarham dapat dimanfaatkan untuk kehidupan kita bersama ke arah kebaikan dan mencari keredhaan Allah.

Moga-moga mana wawasan beliau yang masih belum terlaksana dapat diteruskan oleh generasi hari ini dan yang akan datang.

Mana-mana pihak yang berminat menghantar makalah sama ada berbentuk biografi atau ilmiah, atau lain-lain maklumat berkaitan boleh menulis kepada Sekretariat, Projek Prof. Ahmad Ibrahim, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), No. 2, Langgak Tunku, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur.

Tarikh tutup penghantaran semua makalah ialah 30 Jun 2007.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi peserta seminar pada Ogos 2007 ini pula, tempat adalah terhad. Justeru, sila lawati laman web www.ikim.gov.my untuk pendaftaran awal.

DR WAN AZHAR WAN AHMAD
ialah Fellow Kanan Pusat
Syariat, Undang-Undang
& Sains Politik IKIM.



AHMAD Ibrahim menerima Anugerah Profesor Emeritus pada Ogos 1984.